

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 7 APRIL 2015 (SELASA)

SOALAN :

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta PERDANA MENTERI menyatakan kontrak konsesi dan projek diswastakan sejak 1982 termasuk semua bentuk kerugian bagi rakyat sama ada akibat impak langsung ke atas rakyat atau menerusi Kerajaan kerana perlu dibayar pampasan akibat pelbagai isu pelaksanaan dan dinasionalisasikan semula setelah gagal mencapai matlamat.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 698 perjanjian kerjasama awam swasta telah ditandatangani sejak program penswastan (kini dikenali sebagai program kerjasama awam swasta) diperkenalkan pada tahun 1983.

Jumlah projek-projek kerjasama awam swasta yang bermasalah dan memerlukan pembayaran pampasan adalah kecil. Di samping itu, Kerajaan sentiasa berusaha menambah baik pelaksanaan program ini dan mengambil iktibar daripada projek-projek yang telah dilaksanakan sebelum ini.

Sekian, terima kasih.